

IKTIBAR PEPERANGAN MU'TAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Mimbar pada hari ini akan mengimbau kembali peristiwa peperangan mu'tah (مؤتة) yang berlaku ketika hayat Rasulullah Sallahu alaihi wasallam selepas pembukaan Kota Mekah. Rasulullah Sallahu alaihi wasallam ingin meneruskan usaha penyebaran agama Islam keluar dari Semenanjung Tanah Arab.

Baginda Sallahu alaihi wasallam berhasrat untuk menghantar para sahabatnya berjumpa pemimpin-pemimpin luar negara sebagaimana sabda baginda seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Kathir dalam kitab al-Bidayah wa al-Nihayah:

فَإِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَبْعَثَ بَعْضَكُمْ إِلَى مُلُوكِ الْأَعَاجِمِ ، فَلَا تَخْتَلَفُوا عَلَيَّ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Aku ingin mengutuskan sebahagian daripada kamu kepada raja-raja, jangan ada dikalangan yang menentang keputusan ku.*

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah dalam ayat 190 menjelaskan peranan umat Islam supaya berjihad fisabilillah untuk mengembangkan agama Islam bukan bertujuan untuk menjadi umat yang pelampau atau penceroboh, sebagaimana sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Yang bermaksud: *Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang menceroboh.*

Peperangan Mu'tah ini berlaku bukan bertujuan untuk menjajah dan merampas harta benda, akan tetapi untuk menanamkan keimanan dan kasih sayang serta menafikan Islam ditegakkan dengan mata pedang. Antara sahabat yang dihantar oleh Rasulullah Sallahu alaihi wasallam ialah al-Harith bin Umair RA yang membawa surat kepada Maharaja Rom menyerunya kepada Islam, tetapi beliau telah dibunuh. Perbuatan orang Rom membunuh utusan Rasulullah itu telah mencetuskan peperangan Mu'tah yang berpunca daripada pihak mereka. Tentera Rasulullah yang terdiri daripada para sahabat pergi memerangi tentera Rom yang berada di wilayah Syam. Jumlah tentera Islam yang berangkat ke Mu'tah hanya tiga ribu orang sahaja berbanding dengan tentera Rom yang berjumlah seratus ribu orang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Peperangan Mu'tah mengajar kepada kita keimanan tulen generasi sahabat yang mencintai agama Allah Subhanahu wa-Ta'ala, yakin kepada janji-Nya dan bersedia berkorban hatta nyawa sekali pun untuk mempertahankan Islam.

Para sahabat tidak gentar dan takut sedikit pun. Salah seorang panglima tentera Islam yang bernama Abdullah ibnu Rawahah telah mengeluarkan kata-kata semangat kepada tentera Islam yang berhadapan dengan tentera Rom yang besar dengan ucapannya; *'Demi Allah! Sesungguhnya kamu keluar untuk mencari syahid (gugur di medan perang). Kita berperang bukan kerana bilangan yang ramai atau kekuatan tentera mereka. Kita berperang semata-mata untuk agama ini dengan sebabnya kita dimulihkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Majulah ke medan jihad sama ada menang atau gugur (syahid).'*" Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 249:

قَالَ الَّذِينَ يُظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلْقُوا اللَّهَ كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ

وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٢٤٦﴾

Yang bermaksud: *Berkata pula orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Allah: "Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah; dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang yang sabar".*

Sebahagian daripada mereka telah dibayangkan oleh Rasulullah Sallahu alaihi wasallam akan mendapat syahid dalam peperangan tersebut. Sebagaimana Rasulullah Sallahu alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

إِنْ قُتِلَ زَيْدٌ فَجَعْفَرٌ ، فَإِنْ قُتِلَ جَعْفَرٌ فَعَبْدُ اللَّهِ بْنِ رَوَاحَةَ

Yang bermaksud: *Jika Zaid terbunuh maka digantikan oleh Jaafar dan jika Jaafar terbunuh maka digantikan oleh Abdullah bin al Rawahah.*

Imam al Bukhari juga meriwayatkan hadis Ibnu Umar ra ketika beliau berdiri dihadapan jasad Jaafar bin Abu Talib yang gugur syahid, “*Aku dapati lebih daripada lima puluh kesan tikaman pada jasadnya sehingga dibelakangnya tidak ada ruang langsung yang tidak kena tikaman*”. Begitulah kisah keberanian mereka mengharungi peperangan untuk menegakkan agama Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Cita-cita mereka adalah untuk melihat Islam tersebar ke seluruh pelusuk muka bumi, walaupun mereka terpaksa mengorbankan harta benda dan jiwa raga.

Marilah kita bermuhasabah diri dengan mengambil iktibar daripada peristiwa peperangan Mu'tah ini dengan mencintai agama ini dengan secara bersungguh-sungguh. Sampailah masanya kita meningkatkan usaha dakwah sehingga kalimah Allah Subhanahu wa-Ta'ala itu dapat ditegakkan dengan setinggi-tingginya di negara kita ini. Oleh itu, kurangkanlah menceburkan diri pada perkara yang sia-sia atau hiburan yang melampau yang menyebabkan kita di pandang rendah dan hina. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Ahzab ayat 23 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّن

يَنْظُرُونَ وَمَا بَدَّلُوا بَدِيلًا ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud : Di antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (Apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلِكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.